

I bela Jalan Daud, Muar dapat menarik minat ramai para belia dengan satu cara.

Cara tersebut ialah dengan menubuhkan dua pasukan seni silat-senisilat lineah dan pasukan Jiu Jit Su.

Tidak sebagaimana dengan pertubuhan belia lain di daerah ini, persatuan ini lebih mengiatkan dua jenis kesenian tersebut.

Tidak hairanlah kalau sesekali kita menyaksikan latihan dijalankan terdapat juga ahli-ahli wanita yang tengkas dan gagah.

Oleh kerana terlalu ramai belia yang ingin mempelajari ilmu mempertahankan diri, maka jumlah ahli persatuan lebih 500 orang.

27 MAY 1973
Memilih

Dari jumlah tersebut, separuh adalah wanita yang disediakan ia salah sebuah di antara persatuan belia yang mempunyai ahli wanita yang paling ramai di Muar.

Ditanya mengapa persatuan ini memilih dua kegiatan tersebut, Pengerusinya Encik Abdul Rahim Mohd. Amin menyatakannya. "Masadepan sesuatu pertubuhan tidak semata-mata bergantung kepada objektif-objektif yang sedia termaktub di dalam perlembagaan sahaja."

Kursus

Kita tidak mengabaikan lain-lain jenis kesenian kerana semuanya baik. Tetapi kita perlu mengiatkan adakah semua belia menaruh minat di dalam semua jenis kesenian tersebut, tambahnya.

Di samping itu, dua jenis seni silat ini dapat membentuk akhlak belia supaya tidak terpengaruh dengan kebudayaan Barat.

Mengenai Pasukan Jiu Jit Su ini, Encik Abdul Rahim menerangkan, jumlah ahli pasukan ini ialah 200 orang, lelaki dan

wanita, dan ditubuhkan pada tahun 1971.

Seorang anggota persatuan ini, Encik Yusof Alias, adalah gurunya. Beliau tamat mengikuti kursus khas mempelajari kesenian ini di Kanada selama dua tahun.

Latihan dijalankan tiga malam seminggu di gelanggang rumah persatuan tersebut di Jalan Daud, bermula jam 7.30 hingga 10 malam.

Sejak ditubuhkan sehingga ini sejumlah besar ahlinya telah dapat menguasai dan menunjukkan perajanya yang cekap.

Seorang peserta pasukan Jiu Jit Su ini, Cik Norlin Haji Siraj, 18 tahun, menyatakan rasa bangganya kerana mendapat peluang mempelajari kesenian ini.

"Pada mulanya saya

gambar2

Oleh
NORDIN H.

kurang yakin mungkin kaum wanita dapat mempelajari kesenian yang menggerakkan seluruh anggota dengan pantas dan cergas," katanya.

"Setelah mengikutnya, fahamlah saya tiada ilmu pengetahuan yang tidak dapat kita pelajari sendainya kita menaruh perub minat," kata Cik Norlin lagi.

Di samping menjalankan dua kesenian tersebut, ahli persatuan belia Jalan Daud juga menjalankan usaha-usaha kebajikan untuk masyarakat setempat.

"Di samping bekerja mengokohkan ekonomi masing-masing ahli, kami giat juga di bidang jahit-menjahit, rukan dan perniagaan," kata Setiausahaannya Encik Talib Haji Omar.



Salah seorang anggota pasukan itu sedang memperlihatkan kehandalannya menumbuk pecah susunan batu-bata.